

Boleh berbuka puasa di padang MBK 1 sepanjang Ramadan

Asrol Awang

am@hmetro.com.my



Warga Kuantan berbuka puasa di padang MBK 1, Kuantan. FOTO ARKIB NSTP

Kuantan: Kerajaan negeri memutuskan untuk memberi kebenaran solat tarawih 20 rakaat dilaksanakan di masjid dan surau di seluruh Pahang sepanjang Ramadan ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, Mesyuarat Jawatankuasa Task Force Covid-19 Pahang juga membenarkan penganjuran majlis berbuka puasa, moreh dan sahur.

Katanya, program penghayatan ibadah sepanjang Ramadan seperti qiamullail dan tadarus al-Quran juga dibenarkan.

"Kerajaan negeri turut memberi kebenaran bagi pengoperasian bazar Ramadan bermula dari 3 petang hingga 8 malam, manakala bazar Aidilfitri pula dari 12 tengah hari hingga 12 tengah malam.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada ketetapan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Wan Rosdy berkata, semua peniaga, pekerja dan pelanggan hendaklah mempunyai status lengkap vaksinasi.

Menurutnya, pada masa sama semua peniaga juga digalakkan untuk menyediakan dan menawarkan kaedah alternatif bayaran tanpa tunai atau 'cashless'.

"Aktiviti berbuka puasa di padang Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) 1 sepanjang Ramadan juga dibenarkan dan tempahan boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang MBK," katanya.

Disiarkan pada: Mac 30, 2022 @ 8:36pm